

06/10/1997

Pemaju Taman Kencana diberi seminggu

AMPANG JAYA, Ahad - Pemaju perumahan Taman Kencana fasa 3 diberi tempoh seminggu untuk memberi maklum balas sama ada hendak meneruskan projek taman itu, yang terbengkalai sejak tujuh tahun lalu.

Ahli Parlimen Ampang Jaya, Ong Tee Kiat, meminta Syarikat Jaya Kencana Sdn Bhd, pemaju projek perumahan taman berkenaan supaya menjelaskan keadaan sebenar projek membabitkan 47 unit rumah bagi fasa ketiga itu.

Menurutnya, jika gagal, perkara itu akan dimaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pemaju berjanji untuk meneruskan pelaksanaan projek perumahan itu Mei lalu tetapi sehingga kini ia belum dimulakan.

"Sehingga awal Oktober, pemaju tidak berbuat apa-apa sehingga pembeli terpaksa mendesak mereka menjelaskan keadaan sebenar," katanya selepas sesi dialog bersama pembeli rumah di Taman Kencana di sini, hari ini.

Projek rumah teres dua tingkat yang dijual pada harga RM100,000 seunit untuk Bumiputera dan RM106,000 untuk bukan Bumiputera itu terbengkalai sejak 1990.

Ong berkata, ada pemaju lain berminat dan sanggup memulihkan projek itu tetapi pemaju asal enggan bekerjasama kerana tidak bersetuju dengan syarat menyerahkan hak milik tanah.

Pembeli juga bersetuju untuk menambah RM35,000 seorang bagi memudahkan projek itu diteruskan.

(END)